## GARIS PANDUAN PERMIT PENJAJA SEMENTARA MAJLIS BANDARAYA IPOH

| Bil | Perkara | Keterangan |
|---|---|---|
| 1 | **Syarat dan Kaedah Permohonan.** | i. Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas. (Penglibatan warga asing adalah dilarang dan menjadi satu kesalahan)<br><br>ii. Membuat permohonan dengan mengisi borang secara online dan mencetak untuk di bawa semasa Pandu Lalu bagi kelulusan Permit dan membawa bersama dokumen yang diperlukan seperti:<br>- 1 Salinan Kad Pengenalan<br>- 1 Pelan Lokasi<br>- 1 Gambar Lokasi<br>- Surat Kebenaran pemilik tanah/ bangunan/ kompleks (jika berkaitan) |
| 2 | **Lokasi / Tapak Perniagaan Yang dibenarkan** | **i.** Tapak permohonan aktiviti perniagaan adalah tertakluk kepada kelulusan Datuk Bandar Ipoh.<br><br>**ii.** Bagi tapak dalam tanah / kawasan persendirian/ bangunan / kompleks kerajaan perlu mendapat kebenaran pemilik atau pihak pengurusan. |
| 3 | **Jenis Aktiviti Perniagaan** | i. Makanan dan minuman :<br>-Aktiviti menggoreng / memasak dalam skala kecil adalah dibenarkan dengan syarat hanya penggunaan satu (1) tungku dapur sahaja . Contoh: pisang goreng , keropok lekor dan burger.<br>ii. Buah-buahan .<br>- Dalam skala kecil sahaja |

| | | |
|---|---|---|
| | | ** Peniaga hendaklah menyediakan tong sampah dan memastikan tiada sampah/ sisa di tinggalkan di tapak perniagaan dan hendaklah dibuang di tempat yang di khaskan oleh pihak Majlis. |
| **Bil** | **Perkara** | **Keterangan** |
| **4** | **Jenis Aktiviti Perniagaan TIDAK DIBENARKAN** | i. Barangan kering seperti pakaian, kasut dan sebagainya.<br>ii. Barangan basah / mentah seperti ikan, sayur dan sebagainya.<br>iii. Barangan kawalan seperti tembakau, bahan letupan, mercun, “vape”, alcohol dan lain-lain yang menyalahi Undang-Undang ,<br>iv. Perkhidmatan dan sewaan seperti “kiddy ride” , urutan, judi, gunting rambut, basikal dan sebagainya. |
| **5** | **Waktu Perniagaan** | i. Sesi Pagi: 7.00 pagi sehingga 11.00 pagi,<br>ii. Sesi Tengahari: 11.00 pagi sehingga 3.00 petang<br>iii. Sesi Petang :3.00 petang sehingga 7.00 petang<br>iv. Sesi Malam: 7.00 petang sehingga 10.00 malam.<br><br>** Tertakluk kepada arahan semasa kerajaan .<br>** Pemohon boleh memilih waktu di para i/ii/iii/iv untuk masa perniagaan tetapi tertakluk kepada kelulusan MBI. |
| **6** | **Tempoh Permit Sementara** | **Mulai 15 Mei 2021hingga tempoh 6 bulan SAHAJA.** |
| **7** | **Kadar Bayaran Fi Permit** | RM 10 sebulan. Pembaharuan Permit adalah pada setiap bulan. |
| **8** | | i. Meja lipat di alas |

| | | |
|---|---|---|
| | **Peralatan dan Saiz Tapak** | ii. Saiz kanopi / tapak 8’x8’ sahaja. |
| **9** | **Syarat Permit Sementara** | i. Permit terhad kepada satu orang di satu lokasi sahaja (Penjaja yang mempunyai lesen sedia ada tidak dibenarkan memohon).<br>ii. Keutamaan kepada pemastautin /penduduk yang menetap di Ipoh.<br>iii. Jualan secara bungkus sahaja( “take away”).<br>iv. Pemohon hendaklah sentiasa berada di tapak.<br>v. Tiada warga asing dibenarkan terlibat di dalam aktiviti perniagaan.<br>vi. Peniaga hendaklah mendapatkan Suntikan Anti Typhoid (makanan dan minuman sahaja).<br>vii. Tidak dibenarkan sama sekali membina sebarang struktur kekal/ semi kekal .<br>viii. Tidak di benarkan meletakkan kerusi/ meja untuk pelanggan.<br>ix. Memastikan kebersihan di sekitar tapak perniagaan semasa dan selepas perniagaan.<br>x. Menyediakan tong sampah yang bertutup secukupnya di sekitar lokasi perniagaan.<br>xi. Memastikan tiada sampah sarap di tinggalkan selepas tamat masa perniagaan.<br>xii. Tidak di benarkan mencuci peralatan di tapak perniagaan.<br>xiii. Mengosongkan tapak perniagaan selepas waktu perniagaan.<br>xiv. Mematuhi SOP yang dikeluarkan olek KKM dan MKN.<br>xv. Pemegang permit tertakluk kepada UUK Penjaja Dan Gerai (Majlis Bandaraya Ipoh) 2020<br>xvi. Majlis Bandaraya Ipoh tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan dari penjaja sekiranya berlaku kemalangan , kerosakan , atau kehilangan harta benda atau nyawa yang di hadapi oleh penjaja . |
| **10** | **Penguatkuasaan** | i. Kesalahan kali pertama- AMARAN (Notis Penguatkuasaan). |

| | | |
|---|---|---|
| | | ii. Kesalahan Kali Ke dua- Notis KOMPAUN.<br>iii. Kesalahan Kali ketiga dan seterusnya- tindakan BATAL permit dan SITA serta merta.<br>iv. Datuk Bandar Ipoh berhak untuk membatalkan mana-mana permit yang telah di luluskan sekiranya peniaga **GAGAL** mematuhi syarat yang telah ditetapkan atau terdapat aduan orang ramai atau wujud kacauganggu atau perkara lain yang difikirkan perlu. |